



PERSEMBAHAN tarian oleh pelajar UPMS turut menyeronokkan majlis pelancaran aplikasi KitarNow sempena program Towards Zero Waste in Bintulu: Youth Environmental Empowerment 2026.



PELAJAR-PELAJAR sekolah dari sekitar Bintulu turut hadir memeriahkan.



SHAHRUL RAZID (dua dari kanan) Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu.



memberikan buku modul KitarNow kepada pihak...



PARA tetamu, pelajar UPMS serta murid sekolah bergambar kenangan usai perasmian platform digital KitarNow di Bintulu, Sarawak baru-baru ini.

Rentak Kampus

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

DALAM usaha menyelaraskan dan menjejaki aktiviti kitar semula secara sistematik, Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS) mengambil inisiatif melancarkan KitarNow baru-baru ini.

ia merupakan sebuah platform digital atau aplikasi percuma di tablet dan telefon pintar berasaskan data bertujuan memperkukuh pengurusan sisa mampan di Bintulu dan negeri Sarawak secara amnya.

Pelancaran KitarNow diadakan bersempena program Towards Zero Waste in Bintulu: Youth Environmental Empowerment 2026 anjuran UPMS dengan kerjasama Bintulu Development Authority (BDA) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bintulu.

Pengarah UPMS, Profesor Dr. Shahrul Razid Sarbini berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha bersama UPMS sekali gus mencerminkan komitmen kukuh universiti serta pihak berkuasa tempatan dalam menangani cabaran kelestarian di peringkat komuniti.

"Program ini merupakan komitmen UPMS untuk melangkaui peranan akademik semata-mata dengan menterjemahkan pengetahuan kepada penyelesaian praktikal yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, Setiausaha BDA, Wan Ibrahim Wan Ali menyifatkan, penglibatan pihaknya dalam inisiatif tersebut selari dengan aspirasi menjadikan Bintulu sebagai bandar yang inklusif, berdaya huni dan mampan serta hab perindustrian rendah karbon.

"Program seperti ini membantu membentuk budaya masyarakat yang menghargai sumber, mengurangkan sisa dan mengamalkan kitar semula secara berterusan.

"BDA menyokong pelaksanaan inisiatif ini melalui peruntukan geran kepada UPMS," katanya.

Bagi Ketua Laboratori Biodiversiti Borneo, Institut Ekosains Borneo (IEB) UPMS, Dr. Keeron Sundara Rajoo, aplikasi KitarNow dibangunkan bagi menangani realiti amalan kitar semula di Malaysia yang sering terpisah, tidak berstruktur dan sukar dijejak.

Jelasnya, platform tersebut menyediakan satu ruang digital bersepadu yang menghubungkan penjana sisa dan pengitar semula secara terus.

Tidak setakat itu ujarnya, ia menghasilkan data yang boleh digunakan untuk pelaporan, perancangan dan penggubalan dasar.

Keeron yang juga pengasas dan ketua

UPMS perkenal KitarNow, kitar semula berasaskan data



PARA tetamu kehormat menunjukkan gimik pembuangan sampah kitar semula pada perasmian platform digital KitarNow pada program Towards Zero Waste in Bintulu: Youth Environmental Empowerment 2026 di Bintulu, Sarawak baru-baru ini.



Waste in Bintulu: Youth Environmental Empowerment 2026 di Bintulu, Sarawak baru-baru ini.

projek KitarNow berkata, platform tersebut memastikan kitar semula dilaksanakan sebagai satu proses yang boleh diukur, diaudit dan diperkasakan melalui data.

"Aplikasi ini juga membolehkan sekolah, hotel, institusi dan perniagaan merekod secara digital bahan yang dikitar semula, bukan sekadar apa yang dibuang.

"Ini penting untuk akauntabiliti serta membantu pihak berkuasa dan penyelidik memahami corak sebenar kitar semula di peringkat akar umbi," katanya.

Menurutnya, KitarNow direka dengan dua jenis akaun utama iaitu akaun seller untuk organisasi yang menjana sisa boleh kitar semula, serta akaun buyer untuk syarikat kitar semula dan pengumpul.

Melalui platform itu, bahan kitar semula boleh disenaraikan mengikut jenis dan anggaran berat, manakala pengumpul boleh melihat stok secara masa nyata mengikut lokasi dan mengatur kutipan secara terus tanpa orang tengah.

"Model ini bukan sahaja mempercepatkan proses kutipan, malah membolehkan organisasi mengekalkan sepenuhnya hasil jualan bahan kitar semula mereka.

"KitarNow juga tidak mengenakan sebarang caj dan tidak menggantikan hubungan sodea ada, sebaliknya memperkukuh ekosistem kitar semula tempatan melalui aliran bahan yang lebih telus dan tersusun.

"Data tanpa identiti yang dikumpul melalui platform ini turut memberi nilai strategik kepada penyelidik, pihak berkuasa tempatan dan penggubal dasar dalam merangka strategi pengurusan sisa yang lebih berkesan dan berasaskan bukti," katanya.

Terdahulu, pelaksanaan awal KitarNow disokong dengan penyertaan pelbagai organisasi termasuk Fairfield by Marriott Bintulu Paragon, Parkcity Every Hotel Bintulu, OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd., Jabatan Penjara Malaysia Pusat Koreksional Bintulu, PPWS Daerah Bintulu serta beberapa hotel, surau dan institusi tempatan.

Sebanyak 12 buah sekolah turut terlibat, antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kidurong, SMK Bintulu, Sekolah Kebangsaan Bintulu dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kai Ming dengan setiap sekolah menerima tablet Samsung percuma bagi memastikan akses khusus kepada KitarNow dan integrasi data kitar semula dalam operasi harian sekolah.

Dalam pada itu, pembangunan KitarNow dibiayai melalui Sumbangan Belanjawan Tambahan Kerajaan Jepun menerusi Asia Pacific Telecommunity (APT) dengan sokongan BDA, membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap keupayaan UPMS dalam memacu pengurusan sisa berasaskan teknologi dan data.